



KENYATAAN MEDIA

Dasar Automotif Nasional (NAP) 2014

STATUS PELAKSANAAN DAN PENCAPAIAN

YB Dato' Sri Mustapa Mohamed hari ini mengumumkan status pelaksanaan dan pencapaian Dasar Automotif Nasional (NAP) 2014. NAP telah diperkenalkan pada bulan Januari 2014. Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menekankan bahawa objektif utama dasar ini adalah untuk membangunkan Malaysia sebagai pusat atau hab kenderaan bertenaga efisien (EEV) menjelang 2020. Beliau menjelaskan bahawa fokus ke arah EEV adalah untuk menjadikan Malaysia sebagai hab ASEAN untuk EEV, membangunkan keupayaan penyelidikan dan pembangunan untuk kenderaan pemanduan sebelah kanan (RHD) dan teknologi berkaitan seperti kecekapan bahan api, bahan ringan, telematik, alat dan mereka bentuk komponen dan alat.

Beliau berkata bahawa industri automotif Malaysia telah mencatatkan jumlah jualan keseluruhan industri (Total Industry Volume, TIV) sebanyak 666,465 unit pada tahun 2014, iaitu pertumbuhan sebanyak 1.6 peratus, berbanding dengan 655,793 unit pada tahun sebelumnya. Pelaburan yang diluluskan dalam sektor pembuatan automotif berjumlah RM11.5 bilion serta RM2.6 bilion dalam sektor selepas jualan dan perkhidmatan. Daripada pelaburan ini, sebanyak RM4.9 bilion telah direalisasikan sehingga akhir tahun 2014, dengan meningkatkan kapasiti pengeluaran kenderaan sebanyak 70,000 unit setahun. Pelaburan ini telah bermula pada tahun 2013 dan dijangka siap pada tahun 2018. Ini akan meningkatkan lagi kapasiti pengeluaran sedia ada daripada 600,000 unit kepada 923,000 unit. Sejumlah lapan pengeluar kenderaan terlibat dalam pelaburan ini.

Selaras dengan Manifesto Barisan Nasional, Dato' Sri Mustapa berkata, tahun 2014 juga telah menyaksikan penurunan harga kereta sebanyak 7.01 peratus secara purata bagi semua model dan varian yang diperkenalkan pada tahun 2014. Perbandingan ini dibuat antara harga atas jalan baharu dan sebelumnya. Secara purata harga kereta telah menurun sebanyak 4.97 peratus pada tahun 2013. Harga kereta yang

lebih rendah telah memanfaatkan hampir 72.5 peratus daripada pembeli kereta pada tahun 2014.

Berhubung pelaksanaan bahan api EURO 4, Dato' Sri Mustapa menjelaskan mengenai tempoh masa yang berbeza untuk pengenalan bagi petrol dan diesel. EURO 4 bagi petrol RON 97 akan diperkenalkan di seluruh negara pada bulan September 2015, dan petrol RON 95 menjelang tahun 2018. Jualan diesel EURO 5 telahpun bermula di 12 stesen minyak di Johor. Beliau juga berkata bahawa EURO 5 diesel akan diperkenalkan ke negeri-negeri lain pada tahun ini.

Dari segi pembangunan modal insan, beliau menyatakan bahawa sejumlah 8,075 orang telah dilatih oleh Institut Automotif Malaysia (MAI). Hampir kesemua pelatih-pelatih ini telah mendapat pekerjaan dalam industri automotif dengan gaji dalam lingkungan 25 peratus lebih tinggi daripada purata industri. Secara keseluruhan, 21,072 pekerjaan baharu telah diwujudkan pada tahun 2014. Kebanyakannya terdiri daripada juruteknik, pekerja mahir dan separuh mahir serta jurutera.

Daya saing pembekal automotif juga telah meningkat melalui pelaksanaan *Lean Production System* (LPS) dan Program Kecemerlangan Pembekal Automotif (ASEP) di bawah MAI. Inisiatif-inisiatif ini telah meningkatkan produktiviti sebanyak 21.5 peratus dan menjana penjimatan kos sebanyak RM601.3 juta di kalangan 277 syarikat pembekal.

Mengenai pembangunan teknologi, sehingga penghujung tahun 2014, sejumlah 21 projek teknologi telah dimulakan dengan nilai sebanyak RM39.9 juta. Sebanyak empat projek telah dikomersilkan sehingga Disember 2014.

NAP 2014 juga bertujuan untuk membangunkan kemahiran dan meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam sektor automotif. Beberapa inisiatif telah dimulakan meliputi transformasi bengkel, mewujudkan wakil jualan motosikal baharu, *remanufacturing* dan lain-lain. Sehingga tahun 2014, 250 syarikat yang menyertainya telah menikmati pendapatan tambahan terkumpul sebanyak RM83.6 juta.

**Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
30 Januari 2015**